

CNS3990

U GB15-04 00192 BH761

bah

Mahathir - Sikap

PM TIDAK PUASHATI DENGAN USAHA BEBERAPA ICERAJAAN NEGERI TARIK PELABUR

MELAKA, 15 April (Bernama)-- Datuk Seri Dr Mahathir 'Mohamad hari ini melahirkan rasa tidak puas hati terhadap sikap pemimpin beberapa kerajaan negeri yang bukan sahaja tidak berusaha menarik pelaburan asing malah mengenakan syarat-syarat yang boleh menyekat kemasukan mereka.

Perdana Menteri, pang enggan menyebut pemimpin kerajaan negeri mana dan sama ada mereka daripada kalangan Barisan Nasional (BN) atau pembangkang berkata, para pemimpin itu perlu mengubah sikap sekiranya mereka ingin membangunkan negeri masing-masing.

Mereka berpendapat bahawa pelabur harus "ditekan" untuk mendapat faedah maksimum, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Air Keroh D'Village dan Konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pemimpin yang berpendapat sedemikian terus memaksa para pelabur supaya mengambil pekerja tempatan, memberi kontrak kepada orang tertentu dan mengarah pelabur merujuk kepada mereka sebelum memulakan sebarang pekerjaan.

Katanya, pelabur lain yang mengetahui masalah yang akan dihadapi, sudah pasti tidak mahu melabur di negeri berkenaan menyebabkan bukan sahaja kerajaan negeri yang rugi malah penduduk tempatan juga tidak mendapat peluang pekerjaan. -- Lagi

♥15/04/19-47MST

Mahathir - Sikap 2 Melaka

Terdahulu itu, ketika merasmikan Air Keroh D'Village, Perdana Menteri berkata ada di kalangan pemimpin kerajaan negeri yang bukan sahaja tidak melayani pelabur asing yang datang ke negeri mereka tetapi juga berusaha mengurangkan galakan.

"Ada sesetengah pemimpin bukan sahaja tidak mahu berusaha mencari pelabur tetapi kadangkala kelihatan seolah-olah marah apabila pelaburan dibawa ke negerinya," katanya.

Sambil memuji langkah pemimpin kerajaan negeri Melaka yang keluar negeri dan juga ke Kuala Lumpur untuk menarik pelaburan, beliau berkata para pelabur asing sepatutnya diberi layanan baik kerana kemasukan mereka penting untuk pembangunan negeri dan menyediakan peluang pekerjaan.

Dr Mahathir berkata, pelabur asing sepatutnya ditegur secara baik sekiranya mereka melakukan kesilapan, bukannya didenda atau dipaksa membuat sesuatu mengikut kehendak kerajaan negeri semata-mata.

Beliau berkata, langkah yang baik melayani pelabur ialah dengan memberi tanah untuk dimajukan secara percuma, menentukan permohonan diluluskan dalam tempoh 24 jam dan memastikan pegawai-pegawai kerajaan membantu pelabur berkenaan. -- Lagi

♥15/04/20-17MST

Mahathir - Sikap 3 Melaka

Perdana Menteri berkata, ada juga pemimpin kerajaan negeri yang mahukan para pelabur supaya mengambil pekerja daripada kalangan orang tempatan sahaja dan bukan orang asing.

"Orang asing yang dimaksudkan ini bukanlah orang dari luar negeri tetapi orang Malaysia juga yang datangnya dari negeri lain. Kadangkala orang dari kawasan lain juga dianggap sebagai orang asing," katanya.

Sambil menyebut peristiwa tunjuk perasaan baru-baru ini sebagai membantah tindakan sebuah syarikat asing kononnya tidak mengambil orang tempatan sebagai pekerja, beliau berkata, dari satu sudut, tindakan pemimpin kerajaan negeri itu mungkin membuktikannya mengutamakan orang tempatan.

Bagaimanapun, katanya, hakikatnya tidak sedemikian dan cara itu boleh menyebabkan negeri berkenaan tidak akan maju kerana pelabur lain sudah pasti tidak mahu menghadapi masalah yang serupa.

Ketika ditanya sama ada beliau merujuk kepada tunjuk perasaan melibatkan 200 orang bekas pekerja syarikat Hyundai Construction yang berhimpun di hadapan pejabat syarikat Korea itu di Kuala Terengganu baru-baru ini bagi membantah tindakan syarikat mengambil pekerja asing, Dr Mahathir berkata, : "Itu saya tidak mahu sebut".

(Hyundai Construction merupakan kontraktor yang dilantik Petronas bagi melaksanakan projek pembinaan kilang pemprosesan gas di Kertih, Kemaman).

'Ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung USNO, Encik Askalani Abdul Rahim, semalam, yang memintanya supaya BN tidak menyingkir USNO tetapi menggunakannya sebagai jambatan untuk memulihkan semula hubungan Kuala Lumpur dengan Kota Kinabalu, Dr Mahathir berkata, USNO sebenarnya yang menyingkirkan BN melalui tindakan parti itu tidak memberitahu BN mengenai hasratnya menubuhkan kerajaan campuran dengan PBS. -- Rernama

AH ARA MIB

♥15/04/20-43MST